

Media Title : Berita Harian
Headline : Gagasan Solar jana RM200j bantu PKS
Date : 23 March 2022
Section : Bisnes
Page : 52



Gagasan Solar jana RM200j bantu PKS

Dana solar pertama di Malaysia yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC), Gagasan Solar, akan menjana RM200 juta bagi memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat akses lebih besar kepada tenaga solar.

Rakan Urusan Gagasan Solar, Joshep Lee, berkata bagi komuniti komuniti perniagaan, tenaga solar adalah peluang untuk mengurangkan perbelanjaan tenaga elektrik keseluruhan dan lebihannya boleh diperuntukkan kepada bahagian lain yang lebih cekap dari segi modal.

“Dari perspektif alam sekitar, tenaga solar menawarkan impak segera dan positif langsung dengan mengurangkan pelepasan karbon.

“Kemajuan dan inovasi teknologi tidak menunggu sesiapa, justeru adalah penting bahawa Malaysia mempercepatkan usaha untuk mengembangkan penggunaan tenaga solar supaya ia menjadi lebih mudah diakses di seluruh negara,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Thinkat PE, salah satu daripada 17 sistem kawalan dan pemantau alam sekitar serta tenaga yang berdaftar dengan SC di negara ini, dilantik untuk menguruskan dana yang dijana menerusi Gagasan Solar.